

10/02/1999

Wan Mokhtar tegur Nik Aziz

DUNGUN, Selasa - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat hari ini ditegur supaya tidak mengeluarkan kenyataan yang bercanggah dengan tuntutan Islam, termasuk meminta bantuan syaitan dan berdoa supaya Allah memusnahkan musuh Pas.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad meminta Nik Aziz berhati-hati dalam mengucapkan sesuatu bagi mengelak kenyataan itu bercanggah dengan pengetahuan agama Islam yang didalamnya.

"Sejak kebelakangan ini beliau (Nik Aziz) banyak membuat kenyataan ganjil dan bercanggah dengan Islam," katanya mengulas kenyataan Nik Aziz dalam wawancara yang disiarkan oleh sebuah akhbar mingguan, Ahad lalu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan tanaman orkid dan ikan Tasik Puteri Integrated Farm (M) Bhd di Bukit Besi, dekat sini, hari ini.

Nik Aziz dalam wawancara itu turut menyentuh pandangan peribadi beliau mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menurutnya menyalahgunakan kepintaran yang Allah berikan kepadanya untuk menuju ke arah sekular dan tidak untuk Islam.

Menteri Besar Kelantan itu juga menyatakan beliau berdoa setiap malam dan selepas sembahyang Subuh meminta Allah memusnah lawan Pas.

Sebelum ini, Nik Aziz membuat kenyataan yang Pas sedia menerima kerjasama sesiapa saja, termasuk syaitan untuk menghadapi pilihan raya.

Wan Mokhtar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Terengganu, berkata, al-Quran sudah menyebut syaitan adalah seteru manusia yang nyata dan tidak perlu diminta pertolongan untuk memusnahkan manusia.

"Adalah tidak wajar orang Islam meminta doa supaya lawannya dihapuskan, sebaliknya Islam menuntut supaya penganutnya meminta doa untuk kesejahteraan orang lain atau diberikan petunjuk.

"Malah, Nabi Muhammad SAW ketika menyebarkan syiar Islam dilontar batu di Taif, tidak meminta manusia di situ dihapuskan, sebaliknya berdoa supaya Allah memberikan hidayah kepada mereka untuk menerima Islam," katanya.

Beliau hairan kenapa Pas melihat Dr Mahathir sebagai pemimpin sekular, sedangkan Malaysia kerap dihargai oleh pemimpin Islam dari seluruh dunia sebagai pemimpin Islam yang berjaya.

"Dunia mengiktiraf beliau sebagai pemimpin Islam, kenapa kita sendiri melabel beliau sebagai sekular," katanya sambil meminta semua pihak berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan mengenai sesuatu perkara, terutama membabitkan orang Islam yang lain.

(END)